

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]
TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan "*Home-based Learning*" dan kesan PKP terhadap P&P para murid dan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Kaedah *Home-based Learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital iaitu MOE-DL, yang kemudiannya dikenali sebagai Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Pelantar ini boleh diakses oleh guru dan murid. Selain itu, mereka juga boleh menggunakan pelantar EduwebTV, CikgooTube dan Kelas Digital untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pada 28 Mac hingga 2 April 2020, KPM telah menjalankan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian (*Online Learning*) melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid. Dapatan kajian menunjukkan 6.0 peratus murid

memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar. Di samping itu, terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian. Namun, dalam masa yang sama, masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam aspek tahap akses internet yang terhad. Ini merupakan antara cabaran besar kerana pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid. Selain itu, PdP secara dalam talian merupakan sesuatu yang baharu untuk kebanyakan guru, murid dan ibu bapa. Mereka masih memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan kaedah baharu ini.

Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. Siaran dilaksanakan melalui saluran TV Okey dan saluran Tutor TV Astro 601 dan 603. Rancangan radio pendidikan juga telah dilaksanakan menerusi siaran Kedah FM, Terengganu FM dan Johor FM.

Terdapat juga guru yang melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid. Serahan bahan ini dibuat melalui pelbagai kaedah seperti perkhidmatan pos, bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan kaunter pandu lalu di sekolah.

Segala usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan pihak sekolah serta guru begitu komited dan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan murid tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran. KPM ingin merakamkan penghargaan kepada semua guru atas segala usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran diteruskan walaupun dalam keadaan yang mencabar. Selain itu, KPM juga turut

NO. SOALAN : 14

menghargai peranan ibu bapa dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan dengan baik.

Walaupun kaedah *Home-based Learning* telah dilaksanakan di sepanjang tempoh PKP, namun masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu diatasi. Kepelbagaian latar belakang demografi dan sosio-ekonomi murid merupakan antara faktor yang memberi impak kepada keberkesanan pelaksanaan *Home-based Learning*. Memandangkan kaedah *Home-based Learning* ini merupakan sesuatu yang baharu, maka guru, murid dan ibu bapa memerlukan lebih masa untuk menyesuaikan diri.

KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *Home-based Learning* ini dari semasa ke semasa. Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital, termasuk pelaksanaan *Home-based Learning*.

Sekian, terima kasih.